

“AKU” DALAM KONTEKS KESANTUNAN MASYARAKAT LAHAD DATU

*(“Aku” in the Context of the Politeness of Lahad Datu
Community)*

Noor Fadilah Dawi
noorfadilahdawi@gmail.com

Zaitul Azma Zainon Hamzah
zazh@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
43400, Serdang, Selangor, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini bertujuan membincangkan penggunaan “aku” dalam konteks kesantunan masyarakat Lahad Datu. Kajian lapangan ini menggunakan kaedah pemerhatian, dan temu bual untuk pengumpulan data dalam kalangan masyarakat Lahad Datu yang dipilih sebagai responden. Analisis data dilakukan menggunakan teori komunikasi Saville-Troike untuk memerhatikan norma interpretasi berkaitan penggunaan “aku” dalam budaya masyarakat Lahad Datu dalam perbualan mereka sehari-hari. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan kata ganti nama diri pertama “aku” yang dianggap kasar dan tidak santun jika digunakan terhadap orang yang lebih berstatus dan lebih berusia, namun penggunaannya bagi masyarakat Lahad Datu masih menunjukkan kesantunan. Hal ini menunjukkan bahawa kesantunan yang terdapat dalam masyarakat tertentu adalah berbeza daripada amalan kesantunan yang diamalkan oleh masyarakat yang lain.

Kata kunci: aku, kesantunan, masyarakat Lahad Datu, norma interpretasi, bentuk kasar, penyapa, pesapa

Abstract

This article aims to discuss the usage of the pronoun “aku” in the context of the politeness of Lahad Datu community. Participant observation and interview was used in this field research carried out in the Lahad Datu community. Saville-Troike’s theory of communication was used to observe norms of interpretation surrounding the usage of the pronoun “aku” in the daily conversation of the Lahad Datu community. Generally, in the Malay community, the usage of the pronoun “aku” is considered rude or impolite if used when addressing someone older or of a higher status than the speaker. However, the findings of this study show that in the Lahad Datu community, its usage is considered polite. This shows that politeness is interpreted differently in different communities.

Keywords: aku, politeness, Lahad Datu community, norms of interpretation, impolite form, addresser, addressee

PENDAHULUAN

“Aku” merupakan kata ganti nama diri pertama mufrad yang mempunyai bentuk yang utuh (Asmah, 2009:89). Sebagai kata ganti nama diri pertama, “aku” digunakan oleh penyapa untuk membahasakan diri sendiri terhadap pesapa (*Kamus Linguistik*, 1997:63). Penggunaannya sangat berkait rapat dengan aspek kesantunan. Secara umumnya, kesantunan berbahasa merujuk bentuk bahasa seperti kata, frasa atau ayat. Penggunaan bahasa ini bermaksud untuk menunjukkan sifat santun kepada pesapa selaku orang yang mendengar. Kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu merangkumi beberapa dimensi, baik yang bersifat verbal mahupun yang bukan verbal. Sehubungan dengan itu, kesantunan berbahasa boleh dimanifestasikan melalui beberapa bentuk dan penggunaan bahasa. Salah satunya ialah penggunaan “aku” mengikut konteks (Teo, 2003:15).

Menurut Teo (2003:15), dalam masyarakat Melayu, penggunaan “aku” adalah berbentuk kasar. Penggunaannya melibatkan perbualan antara orang yang lebih tua atau lebih berstatus dengan orang yang lebih muda atau kurang berstatus. Walau bagaimanapun, penggunaan “aku”

masih santun apabila digunakan dengan orang yang sudah pun akrab antara satu sama lain. Hal ini bermaksud penggunaan “aku” akan menunjukkan ketidaksantunan apabila digunakan oleh mereka yang tidak mempunyai hubungan akrab atau mereka yang lebih muda atau kurang berstatus kepada mereka yang lebih tua atau lebih berstatus.

Orang Melayu tidak akan marah sekiranya seseorang yang bukan penutur natif bahasa Melayu salah menggunakan bahasa Melayu daripada aspek linguistik. Contohnya, menggunakan perbendaharaan kata atau sintaksis yang salah, tetapi jika seseorang itu menggunakan kata ganti nama diri yang salah, orang Melayu akan mudah berasa marah dan tersinggung (Nor Hashimah, 2005:106). Oleh itu, penggunaan “aku” mengikut konteks dan budaya masyarakat harus difahami dengan baik agar penggunaannya tidak disalahtafsirkan. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, kajian ini dijalankan untuk membincangkan penggunaan “aku” dalam konteks kesantunan masyarakat Lahad Datu dan juga untuk membahaskan hipotesis, iaitu penggunaan “aku” dalam pola bahasa halus-bahasa kasar (BH-BK) yang digunakan dalam kalangan penyapa dan pesapa yang berbeza status dan usia. Penggunaan ganti nama pertama “aku” sangat berkait rapat dengan aspek kesantunan dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, penggunaannya haruslah mengikut konteks dan budaya masyarakatnya.

SOROTAN KAJIAN

Kajian berkaitan penggunaan kata ganti nama diri dalam aspek kesantunan telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Antaranya termasuklah kajian yang pernah dilakukan oleh Noriati (2005) dan Noriah dan Hasnida (2009). Namun, kajian yang memfokuskan penggunaan “aku” dalam konteks kesantunan tidak pernah dilakukan lagi. Noriati (2005) dalam kajiannya yang bertajuk “Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan” telah mengkaji penggunaan kata ganti nama diri dan kata kata panggilan yang digunakan dalam rundingan pertunangan. Kata ganti nama diri dan kata panggilan yang sesuai sangat penting sebagai kriteria kesantunan dalam perbualan. Dalam sesebuah rundingan seperti rundingan pertunangan, kata ganti nama diri dan kata panggilan memainkan peranan untuk mewujudkan kemesraan, menunjukkan perasaan hormat dan keintiman serta semangat kekeluargaan.

Hasil kajian Noriati (2005) mendapati bahawa penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan dalam majlis pertunangan bercampur antara rasmi dan tidak rasmi. Penggunaan “aku” dan “keme”, iaitu merujuk kata

ganti nama diri pertama berbentuk dialek didapati ditolak sama sekali memandangkan penggunaannya dianggap kasar dan hanya digunakan bagi mereka yang berbual dengan rakan akrab dan sebaya sahaja atau menggambarkan kuasa yang lebih kurang sama (Amat Juhari, 1985:20). Pasangan yang bertunang pula berasal daripada daerah yang berlainan, oleh itu, adalah tidak santun sekiranya wakil menggunakan dialek tempatan yang mungkin tidak difahami, sukar dimengertikan dan luar biasa kepada pendengarnya.

Dalam hal ini dapat dikatakan bahawa penggunaan “saya”, “kami” dan “kita” merupakan kata ganti nama diri pertama yang paling biasa dan diterima oleh semua golongan kerana bersifat hormat dan santun (Asmah, 1993:80). Hal ini bermaksud penggunaan “aku” adalah tidak santun dalam konteks pertunangan. Penggunaan “aku” ditolak 100 peratus dalam semua rundingan tersebut, maka tidak digunakan sama sekali dalam majlis seumpama itu.

Menyedari ketidaksantunan penggunaan ganti nama diri pertama “aku” dalam konteks tertentu, maka kajian berdasarkan konteks perbualan yang membawa “aku” kepada penggunaan yang santun telah dilakukan. Penggunaan “aku” dalam kajian Noriati (2005) hanya tertumpu dalam majlis rundingan pertunangan sahaja, iaitu melibatkan perbualan antara dua pihak yang tidak setaraf dan tidak akrab. Hal ini ada kaitannya dengan penelitian awal pengkaji terhadap penggunaan “aku” dalam kalangan masyarakat di Sabah yang bukan sahaja digunakan dalam kalangan orang yang mempunyai hubungan setaraf dan akrab tetapi juga dalam kalangan orang yang tidak setaraf dan tidak akrab.

Penggunaan ini berlaku kerana kesantunan berbahasa dalam sesebuah masyarakat itu tidak selalunya sama dengan kesantunan berbahasa yang wujud atau diamalkan dalam sesebuah masyarakat lain. Kesantunan berbahasa banyak bergantung pada pemboleh ubah sosial dan sosiobudaya. Antaranya termasuklah budaya yang terlibat, usia, generasi, jantina, kelas sosial, pekerjaan serta peranan dan status pihak yang disapa. Selain itu, penggunaan “aku” juga bergantung pada faktor konteks yang bersifat umum dan khusus. Kewujudannya boleh berlaku dalam kebanyakan budaya atau hanya diamalkan oleh sesetengah budaya (Teo, 2003). Oleh hal yang demikian, tidak mustahil sekiranya penggunaan “aku” yang dianggap kasar bagi masyarakat Perak boleh sahaja menjadi bentuk yang halus atau neutral bagi masyarakat Urak Lawoi seperti yang terdapat dalam kajian Noriah dan Hasnida (2009).

Hasil kajian mereka mendapati bahawa “aku” dalam masyarakat Urak Lawoi adalah neutral. Oleh sebab itu, penggunaannya mungkin mewujudkan salah faham dalam kalangan penutur dialek Melayu yang lain. “Aku” dalam bahasa Melayu standard dan bahasa Thai merujuk bentuk kasar dan kurang digunakan ketika berbual dalam konteks sehari-hari dengan orang yang berusia dan berstatus. Kata ganti nama diri pertama ini hanya digunakan dengan pesapa yang akrab atau mempunyai hubungan yang rapat, tetapi keadaan ini berbeza dengan bahasa Urak Lawoi. “Ku” yang dikenali sebagai bentuk klise “ku” dalam bahasa Melayu, yang biasanya digunakan dalam bahasa tulisan, digunakan juga untuk merujuk kata ganti nama diri pertama yang digunakan dalam perbualan seharian masyarakat Urak Lawoi yang bersifat neutral. Hal ini menyebabkan berlakunya kekeliruan makna bagi orang asing yang mendengar perbualan tersebut.

Mungkin pendengar mempunyai tanggapan bahawa komuniti Urak Lawoi tidak sopan dan biadab kerana salah faham tentang makna yang wujud dalam penggunaan “ku” apabila dibandingkan dengan bahasa yang lain (Noriah dan Hasnida, 2009:96). Untuk mengelakkan salah faham yang timbul terhadap penggunaan “aku” dalam masyarakat Melayu, kajian mengikut budaya adalah perlu dilaksanakan. Kajian bahasa Urak Lawoi ini merupakan satu sumbangan terhadap usaha pemerian “aku” mengikut budaya masyarakat penuturnya yang berbeza daripada masyarakat yang lain.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa penggunaan kata ganti nama diri pertama “ku” dalam bahasa Urak Lawoi menyamai jenis kata ganti nama diri pertama “saya” dalam bahasa Melayu kerana berbentuk neutral dan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja, manakala “ku” dalam bahasa Urak Lawoi juga menyamai penggunaan “aku” dalam konteks keagamaan, iaitu merujuk diri sendiri apabila bercakap kepada Tuhan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada penutur asli bahasa itu sendiri, iaitu kepada masyarakat di Sabah dan juga bukan penutur asli bahasa tersebut, iaitu masyarakat di luar Sabah. Bagi penutur asli, mereka dapat berkongsi tentang penggunaan ganti nama “aku” yang digunakan oleh golongan penyapa terhadap golongan pesapa. Sebelum ini agak kurang penulisan berkaitan penggunaan kata ganti nama diri pertama yang digunakan oleh masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Bagi bukan

penutur asli yang tidak pernah mempunyai pengalaman bertutur dengan masyarakat di Sabah, khususnya masyarakat di daerah Lahad Datu dapat menjadikannya sebagai panduan untuk berbahasa dan bersosialisasi dengan mereka kerana pengetahuan sedia ada dalam sesebuah masyarakat bahasa sangat penting untuk menghindari sebarang salah faham semasa bertegur sapa.

Oleh itu, kajian berkaitan penggunaan “aku” dalam kalangan masyarakat Lahad Datu dapat mewakili golongan penyapa kerana penggunaan “aku” ketika bertegur sapa antara penyapa dengan pesapa juga mampu memperlihatkan pelbagai aspek penggunaannya dalam kehidupan bermasyarakat. Misalnya penggunaan tersebut mampu memperlihatkan kesantunan dalam perbualan atau ketidaksantunan dalam menggunakannya. Kajian ini akan dapat mendedahkan kepada masyarakat luar yang tidak pernah berbual dengan masyarakat di Sabah, khususnya dengan masyarakat di Lahad Datu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian lapangan ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk mengumpulkan data. Kaedah pemerhatian dilakukan dalam dua peringkat. Pada peringkat yang pertama, pengkaji hanya membuat pemerhatian langsung terhadap penggunaan kata ganti nama diri pertama yang aktif digunakan dalam perbualan seharian masyarakat Lahad Datu. Kaedah ini sesuai untuk mengesan penggunaan kata ganti nama diri secara lisan dan spontan, dan dapat mengukur kesan modenisasi yang berlaku. kerana penggunaan sehari-hari dapat memberikan maklumat utama berkaitan dengan penggunaan kata ganti nama diri dan juga bagi mendapatkan data korpus (Nor Hashimah *et al.*, 2005:6). Pada peringkat seterusnya pula, pemerhatian turut serta dilakukan, iaitu setelah melakukan proses temu bual bersama-sama informan.

Pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian turut serta. Oleh itu, data yang dikumpulkan daripada pemerhatian langsung (melihat dan mendengar apa-apa yang berlaku di tempat kejadian) atau melalui pemerhatian turut serta (mengambil bahagian dalam perbualan). Cara ini mampu membekalkan maklumat yang kaya dan boleh menambah kebolehpercayaan kepada kajian yang dijalankan (Delamont, 1992; Hammerseley & Atkinson, 1995). Pengkaji dapat meninjau secara luas tentang penggunaan kata ganti nama diri pertama yang aktif digunakan dalam perbualan seharian masyarakat Lahad Datu dengan cara menghadiri

majlis keramaian yang berlangsung dalam tempoh pengumpulan data dijalankan. Gambaran yang lebih jelas dikesan semasa kejadian berbahasa yang berlaku dalam kalangan penyapa di Lahad Datu.

Sebanyak lapan majlis keramaian atau kenduri yang dihadiri oleh pengkaji sepanjang tempoh pengumpulan data dilakukan, iaitu:

- (1) Majlis perkahwinan di Palm Height.
- (2) Majlis perkahwinan di Kampung Telisa
- (3) Majlis pernikahan di Taman Aman Jaya.
- (4) Majlis akikah di Taman Aman 3.
- (5) Majlis perkahwinan di Dewan Perdana Lahad Datu.
- (6) Majlis bacaan Yassin di Taman Aman 3.
- (7) Majlis perkahwinan di Kampung Durian.
- (8) Majlis perkahwinan di Kampung Jungkilan.

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian pada waktu yang berbeza untuk lapan majlis atau kenduri di beberapa tempat di daerah Lahad Datu. Pemerhatian dilakukan sepanjang tempoh pengumpulan data yang berlangsung dari 22 Mac 2014 hingga 22 April 2014. Walau bagaimanapun, jika tiada undangan majlis atau kenduri, pemerhatian dilakukan di dalam rumah dan di luar rumah responden.

Pemerhatian di dalam rumah melibatkan 25 buah rumah, manakala pemerhatian yang dilakukan di luar rumah pula melibatkan 11 lokasi pemerhatian, iaitu di klinik, hospital, kedai makan, kedai runcit, mini kedai runcit, pasar, pasar raya, kebun, pejabat daerah, di dalam kenderaan, dan di dalam Dewan Perdana. Subjek pemerhatian diperhatikan mengikut status dan usia, iaitu melibatkan penggunaan “aku” oleh penyapa yang lebih berstatus daripada pesapa, penyapa yang setaraf dengan pesapa, penyapa yang kurang berstatus daripada pesapa, penyapa yang lebih tua daripada pesapa, penyapa yang sebaya dengan pesapa dan penyapa yang lebih muda daripada pesapa dalam kalangan ahli keluarga asas, keluarga lebih luas dan komuniti lebih luas.

Kaedah pemerhatian turut serta ini merupakan kaedah yang paling biasa digunakan untuk memungut data etnografi dalam apa-apa sahaja domain kebudayaan. Pengkaji yang menjadi ahli komuniti bahasa itu didapati cukup sesuai dengan peranan itu, manakala ahli antropologi mendapati ada kemungkinan untuk mempersepsi dan memahami perlakuan kebudayaan yang berpola dalam masyarakat yang lain jika mereka bercampur gaul

dengan komuniti itu untuk setahun ataupun lebih. Kunci kepada kejayaan pemerhatian turut serta ini adalah untuk membebaskan diri seseorang sejauh mungkin daripada pengaruh pengalaman kebudayaan mereka sendiri. Pengkaji memerlukan relativisme budaya, iaitu pengetahuan tentang pelbagai kemungkinan perbezaan budaya serta kepekaan dan keobjektifan untuk mengamati orang lain (Saville-Troike, 1991:129-130).

Salah satu kebaikan yang penting bagi pemerhatian turut serta ialah cara ini berkeupayaan untuk menguji hipotesis berkaitan dengan peraturan komunikasi, kadang-kadang dengan cara melanggar peraturan itu lalu memerhatikan reaksi mereka. Pemerhatian turut serta dalam aktiviti bagi suatu jangka masa biasanya diperlukan kerana banyak maklumat akan terjelma di samping dapat mewujudkan rasa percaya terhadap pengkaji (Saville-Troike, 1991:130). Satu perkara yang seharusnya jelas ialah pemerhatian turut serta, kecekapan linguistik dan budaya yang bertahap tinggi merupakan suatu *sine qua non* bagi kerja lapangan yang berjaya, terutamanya jika hendak dijalankan dalam jangka waktu yang terbatas.

Bagi membolehkan seseorang pengkaji itu mengambil bahagian dalam pelbagai peristiwa berbahasa tanpa begitu menonjolkan diri sebagai pemerhati turut serta, seseorang itu seharusnya sedapat mungkin sama-sama memiliki latar dan kecekapan linguistik komuniti yang dikaji itu. Namun begitu, beberapa variasi eksperimental bersahaja tentang keadaan atau tentang interaksi juga diperlukan untuk menimbulkan ataupun menguji kehadiran pola-pola tindak balas yang berlainan (Saville-Troike, 1991:131). Oleh itu, adalah perlu bagi ahli etnografi yang ingin melakukan pemungutan data dalam situasi yang melibatkan diri mereka agar turut memasukkan data tentang perlakuan mereka sendiri dalam hubungan mereka dengan orang-orang lain serta analisis tentang peranan mereka serta orang-orang lain dalam interaksi itu (Saville-Troike, 1991:131).

Temu bual pula merupakan satu kaedah pengumpulan data yang paling biasa digunakan dalam penyelidikan sosial (Cohen & Manion, 1989) termasuklah penyelidikan dalam bidang bahasa. Temu bual melibatkan perbualan antara pengkaji dengan informan bagi tujuan mendapatkan maklumat yang relevan dengan kajian. Temu bual boleh menyumbangkan pelbagai maklumat budaya yang mungkin merangkumi koleksi jadual kekerabatan, maklumat tentang upacara keagamaan dan upacara komuniti yang penting, pencuplikan cerita penglipur lara, cerita sejarah, nyanyian, pendedahan tentang “bagaimana hendak” dalam hubungannya dengan pelbagai aspek pengetahuan teknologi, dan deskripsi tentang

keterserempakan dalam kalangan anggota komuniti dalam konteks yang berbeza (Saville-Troike, 1991:133).

Oleh hal yang demikian, untuk memperkukuh data daripada pemerhatian awal (pemerhatian langsung) yang dilakukan, pengkaji menggunakan kaedah temu bual bersama-sama 15 orang informan. Pemilihan informan menggunakan dua cara, iaitu teknik pensampelan bertujuan dan teknik *snowball*. Cara pertama dipandang lebih efektif kerana pengkaji boleh mengemukakan maksudnya dengan lebih jelas. Cara yang kedua pemilihan informan bermula dengan jumlah yang kecil (satu orang), kemudian atas cadangan informan tersebut, jumlah informan akan semakin bertambah dan mencukupi. Informan perlu diberitahu tentang tujuan kajian, meliputi rakaman dalam bahasa yang difahaminya, penjelasan soalan meliputi soalan berstruktur dan soalan tidak berstruktur. Temu bual dijalankan tanpa menimbulkan kecurigaan kepada informan Spradley (1997).

Informan yang terlibat hanya melibatkan etnik Bajau, Dusun dan Idahan. Lima informan terlibat daripada setiap etnik Bajau, Dusun dan Idahan. Untuk menjawab soalan temu bual yang disediakan, yang berikut merupakan kriteria informan yang dipilih, iaitu informan mengetahui budaya miliknya dengan baik (enkulturasi penuh), penglibatan langsung, mempunyai masa yang mencukupi, orang yang tahu, dewasa, sihat jasmani dan rohani, dan berpengetahuan luas (Spradley, 1997).

Penggunaan pelbagai teknik pengutipan data adalah untuk memastikan bahawa pengkaji tidak hanya bergantung pada satu teknik sahaja. Hal ini dapat memperkukuh kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan. Setiap data yang diperolehi, iaitu maklumat dan bukti diperkuat dengan pemerolehan maklumat bukti daripada teknik dan sumber lain. Hal ini adalah selaras dengan perihai berlakunya proses pengutipan data. Seperti yang dinyatakan oleh Spradley (1980), proses penggunaan teknik tersebut tidak berlaku secara linear tetapi secara rekursif, iaitu bertindanan antara penggunaan satu teknik dengan satu teknik yang lain. Misalnya melalui pemerhatian langsung, maklumat akan disahkan dengan menemu bual, dan hasil daripada temu bual itu pula pemerhatian turut serta akan dilakukan.

Teknik temu bual juga digunakan kerana merupakan satu cara yang cepat untuk mendapatkan maklumat yang banyak dalam satu masa yang singkat (Merriam, 1988). Dalam kajian ini, soalan temu bual yang dijalankan ada yang bersifat tertutup dan ada yang terbuka (tidak berstruktur). Tujuannya, agar pengkaji mendapat pelbagai maklumat yang

bukan sahaja berkaitan dengan penggunaan “aku” yang menjadi fokus kajian, tetapi juga berkaitan penggunaan kata ganti nama diri pertama yang lain yang dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Data perbualan dalam kajian ini dianalisis menggunakan sistem pengekodan data P1, P2, P3 sehingga P7 untuk memudahkan proses pengenalpastian data.

Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991)

Komponen Komunikasi Saville Troike (1991) melibatkan 10 komponen, iaitu genre, topik atau fokus rujukan, tujuan atau fungsi, latar, peserta, bentuk mesej, kandungan mesej, urutan perilaku, peraturan interaksi dan norma interpretasi. Norma interpretasi merupakan komponen komunikasi yang digunakan untuk menganalisis dapatan kajian dalam makalah ini.

- (1) Genre atau jenis peristiwa itu (misalnya jenaka, cerita, kuliah, sapaan, perbualan).
- (2) Topik atau fokus rujukan.
- (3) Tujuan atau fungsi, peristiwa sama ada secara amnya dan juga dari segi matlamat interaksi setiap peserta.
- (4) Latar, ini termasuklah lokasi, masa, musim dan aspek fizikal situasi itu (misalnya saiz bilik, susunan perabot).
- (5) Peserta, ini termasuklah umur, jantina, etnik, status sosial mereka atau apa-apa sahaja kategori lain yang ada, serta kaitan antara faktor tersebut.
- (6) Bentuk mesej termasuklah sama ada melalui saluran lisan dan juga bukan lisan serta sifat kod yang digunakan (misalnya bahasa apa dan ragam apa).
- (7) Kandungan mesej atau rujukan denotatif pada permukaan luarannya; apa-apa yang dikomunikasikan.
- (8) Urutan perilaku atau penyusunan perilaku komunikasi/berbahasa, termasuklah giliran bercakap dan gejala tumpang tindih.
- (9) Peraturan interaksi atau peraturan yang harus diperhatikan.
- (10) Norma interpretasi, ini termasuklah pengetahuan yang diketahui oleh semua, praandaian budaya yang berkaitan atau pemahaman yang sama-sama dimiliki yang membolehkan penyimpulan tertentu dilakukan tentang apa-apa yang boleh dilihat secara literal, apa-apa yang seharusnya tidak diambil kira dan lain-lain.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa penggunaan “aku” juga berlaku dalam kalangan masyarakat Lahad Datu meskipun dianggap tidak santun dalam masyarakat Melayu sekiranya digunakan dalam sapaan yang melibatkan penyapa dan pesapa yang berbeza status dan usia (penyapa yang lebih rendah statusnya kepada pesapa yang lebih tinggi statusnya atau oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua). Secara lazimnya dalam masyarakat Melayu, pihak penyapa yang lebih tinggi statusnya atau lebih tua akan menerima bentuk halus (BH) dan memberikan bentuk kasar (BK) kepada pesapa yang lebih rendah atau lebih muda daripadanya. Sementara itu, pihak penyapa yang lebih rendah statusnya atau lebih muda pula akan menerima bentuk kasar (BK) dan memberikan bentuk halus (BH) kepada pesapa yang lebih berstatus atau lebih tua daripadanya. Menurut Brown dan Gilman (1960), pola tidak resiprokal BH-BK ini digunakan apabila pihak penyapa dan pesapa mempunyai perbezaan status dan usia. Oleh hal yang demikian, pola tidak resiprokal BH-BK akan wujud dalam penggunaan yang tidak setaraf atau tidak sebaya dalam masyarakat Melayu.

Berdasarkan analisis dalam data P1, P5 dan P7, didapati bahawa wujudnya penggunaan “aku” (BK) dalam masyarakat Lahad Datu yang digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua daripadanya. Hal ini boleh menimbulkan perspektif negatif kepada orang yang mendengar perbualan tersebut kerana bentuk kasar ini sering sahaja dianggap sebagai bentuk yang digunakan oleh orang yang rendah kedudukannya atau yang kurang menerima ajaran tatatertib dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Nik Safiah (1981:101) ada menjelaskan bahawa sebenarnya semua ini merupakan penilaian subjektif masyarakat yang menjadi norma secara am. Dalam penggunaan yang sebenarnya, terutamanya dalam situasi tidak rasmi, terdapat kelonggaran. Namun demikian, terdapat peraturan tertentu tentang bila dan bagaimana sesuatu pola penggunaan itu harus digunakan, dan pola ini didapati dimiliki oleh masyarakat Lahad Datu dan dipatuhi oleh semua anggotanya. Penggunaan “aku” dalam kalangan penyapa yang berbeza usia ini dapat dikenal pasti dalam data yang berikut, iaitu:

1. P1

B : Kita macam ... kalau *company* besar ok, kalau *company* kecil ndakda guna juga tu. Maksud aku, kalau kau di *company* besar bagus ... mestilah, jadi *manager estate*kah ...

- A : Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang. Macam baru *assistant* kan, *supplier* mau datanglah, mau jumpalah.

Berdasarkan P1, Pola BK-BK berlaku apabila A memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada B dalam ayat “Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang” dan juga menerima bentuk kasar “aku” (BK) daripada B dalam ayat “Maksud aku, kalau kau di *company* besar bagus ...”. A selaku penyapa yang lebih muda daripada B didapati memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada B walaupun mengetahui B lebih berusia daripadanya. B diketahui mempunyai usia lebih tua daripada A kerana A menyapa B dengan kata panggilan “bang” dalam ayat “Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang”. Pola resiprokal bentuk BK-BK ini didapati digunakan oleh A selaku penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua daripada penyapa dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

2. P5

- A : Aku ketawa kak, Kak Dahlia mau tumpang aku kak. Nah ngamalah jalan kaki kita ke sana ah kak sekarang (A dan B ketawa). Jadi aku bilang, cuba kau telefon si Noni. Aku fikir kakak sama dorang Kak Baisah, Kak Saniyah.
B : Ndak jadi dorang pigi.
A : Oh, na, yalah.
B : Itulah aku tu sengaja mesej dorang Nor, adakah sudah sana ni, apa ya? Aku bilang.

Dalam data P5, pola resiprokal BK-BK pula berlaku apabila A memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada B dalam ayat “Aku fikir kakak sama dorang Kak Baisah, Kak Saniyah” dan juga menerima bentuk kasar “aku” (BK) daripada B dalam ayat “Itulah aku tu sengaja mesej dorang Nor, adakah sudah sana ni apa ya? Aku bilang”. A selaku penyapa yang lebih muda daripada B didapati memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada B walaupun mengetahui B lebih berusia daripadanya. B diketahui mempunyai usia lebih tua daripada A kerana A menyapa B dengan kata panggilan “kakak” dalam ayat “Aku fikir kakak sama dorang Kak Baisah,

Kak Saniyah”. Pola resiprokal BK-BK ini didapati juga digunakan oleh A dalam P5 selaku penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua daripada penyapa dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

3. P7

B : Baja *ccm* kan? Tulah aku bilang, kaupunya bisnis ni kan kita boleh tolong. Kami boleh tolong kau bah ni. Begitu. Pergi *estate-estate* pun kita boleh jalan. Boleh. *Estate* mana sudah yang boleh ambil baja sama kamu?

A : Banyak sudah ini. Tapi saya sekarang dikasi kuota. Kalau bahagian sini ndak boleh. Bahagian saya pula. Dia buat begitu.

B : Itulah peluang kau. Bisnislah. Ikut betul punya jalan.

A : Sekarang disuruh sudah aku ambil. Tapi aku ndak mau.

Berdasarkan data P7, pola BK-BK juga didapati berlaku apabila A memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada B dalam ayat “Sekarang disuruh sudah aku ambil. Tapi aku ndak mau” dan menerima bentuk kasar “aku” (BK) daripada B dalam ayat “Tulah aku bilang, kaupunya bisnis ni kan kita boleh tolong”. A selaku penyapa yang lebih muda daripada B dalam data P7 juga turut memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada B walaupun mengetahui B lebih berusia dan berstatus lebih tinggi daripadanya. Daripada teks didapati B lebih berstatus daripada A kerana B berkemampuan untuk membantu A seperti dalam perbualan “Kami boleh tolong kau bah ni ...”. B juga diketahui mempunyai usia lebih tua daripada A kerana A menyapa B dengan kata panggilan “bang” seperti yang terdapat dalam perbualan berikut, iaitu:

P7

A : Aku mau baca hitam putihnya. Hitam putihnya masih sama *manager* tu lagi. *Marketingnya* tu. Nanti kaucekik aku, kucakap. Baca dulu. *Director* sudah *sign*, baru saya boleh buat. Baru, kalau *director* sudah *sign*, macam abang kan yakin, aku pinjam duit, ada bah ni, aku pergi bank, ada bah ni kan ... ada hitam putih. *Director sign* bah.

B : Ya

A menyapa B menggunakan kata panggilan “abang” seperti yang terdapat dalam ayat “Baru, kalau *director* sudah *sign*, macam abang kan yakin, aku pinjam duit, ada bah ni, aku pergi bank, ada bah ni kan ...”.

Pola resiprokal BK-BK ini didapati juga turut digunakan oleh A dalam P7 selaku penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua daripada penyapa dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

Berdasarkan data P1, P5 dan P7, didapati bahawa A terdiri daripada penyapa yang mempunyai usia lebih muda daripada B. Penggunaan “aku” oleh A kepada B didapati tidak mengganggu kelancaran dalam perbualan mereka. Perbualan juga menjadi semakin rancak dan adakalanya diselangselikan dengan pemberian pendapat dan jenaka antara mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa “aku” digunakan dalam kalangan penyapa dan pesapa yang berbeza usia tanpa mengakibatkan pihak pesapa berasa tersinggung sehingga menjejaskan kelancaran sesuatu perbualan.

Jika dalam masyarakat Melayu, penggunaan ganti nama diri “aku” terhadap pesapa yang lebih tua akan menampakkan ketidaksantunan dalam berbahasa dan boleh menyebabkan pesapa berasa tersinggung, namun hal ini berbeza daripada masyarakat Lahad Datu. Penggunaannya adalah neutral dan tidak dipengaruhi oleh faktor sosiolinguistik seperti status sosial dan usia dalam hubungan keluarga mahupun komuniti lebih luas. “Aku” boleh digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua daripadanya. Penggunaan “aku” dalam kalangan masyarakat Lahad Datu bukan merujuk bentuk yang kasar tetapi merupakan satu kelaziman berbahasa dalam masyarakatnya.

Oleh hal yang demikian, aspek kesantunan bagi masyarakat Lahad Datu tidak akan terjejas akibat penggunaan “aku” dalam kalangan penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua kerana penggunaannya diterima oleh masyarakat yang terdapat di dalam daerah tersebut. Kata ganti nama “aku” merupakan satu bentuk kelaziman yang digunakan oleh masyarakat Lahad Datu dalam perbualan seharian mereka. Seperti yang telah dinyatakan, “aku” dalam kalangan masyarakat penyapa Lahad Datu tidak dipengaruhi oleh faktor sosial dalam penggunaannya. Sapaan penyapa kepada pesapa yang lebih tua mampu diperlihatkan kesantunannya melalui penggunaan kata panggilan hormat seperti “abang” dan “kakak”. Kesantunan bahasa diukur berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat kerana setiap masyarakat mempunyai peraturan bahasa masing-masing (Awang, 2007:2).

Pola tidak resiprokal BH-BK menurut Brown dan Gilman (1960) yang sepatutnya digunakan oleh penyapa dan pesapa yang berbeza status atau usia didapati tidak digunakan oleh masyarakat Lahad Datu dalam penggunaan kata ganti nama diri pertama “aku” kerana golongan penyapa

yang lebih tua menerima bentuk kasar “aku” (BK) dan juga memberi bentuk kasar “aku” (BK) kepada pesapa. Oleh hal yang demikian pola yang wujud dalam kalangan masyarakat Lahad Datu ialah pola resiprokal BK-BK dan bukannya pola tidak resiprokal BH-BK. Hal ini membolehkan hipotesis yang menyatakan bahawa penggunaan “aku” dalam pola BH-BK yang sepatutnya wujud dalam kalangan penyapa dan pesapa yang berbeza usia (Brown dan Gilman, 1960) ditolak kerana pola yang sebenar wujud ialah pola resiprokal BK-BK dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

Walau bagaimanapun, pola BH-BK didapati wujud dalam penggunaan kata ganti nama diri kedua bagi masyarakat Lahad Datu. Penggunaan pola tidak resiprokal BH-BK tersebut menunjukkan bahawa penyapa menitikberatkan kata panggilan yang digunakan untuk menyapa pesapa yang lebih tua daripada mereka. Penggunaannya dapat dilihat seperti yang terdapat dalam data yang berikut, iaitu:

4. P1

B : Kita macam ... kalau *company* besar ok, kalau *company* kecil ndakda guna juga tu. Maksud aku, kalau kau di *company* besar bagus ... mestilah, jadi *manager estate*kah ...

A : Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang. Macam baru *assistant* kan, *supplier* mau datanglah, mau jumpalah.

Berdasarkan data P1, A menyapa B dengan kata panggilan “bang” yang dapat dikenal pasti penggunaannya dalam ayat “Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang”. Kata panggilan “bang” oleh A kepada B merujuk kata panggilan terhadap pesapa lelaki yang lebih tua daripada penyapa. Oleh sebab dalam masyarakat Melayu, orang yang lebih tua dianggap lebih berpengalaman dan lebih ilmunya, maka penggunaan kata panggilan “bang” merupakan kata panggilan yang sesuai digunakan oleh A untuk menyapa B selaku pesapa yang lebih tua daripadanya dan patut dihormati (Abdul Rashid dan Amat Juhari, 2011:151). Selain P 1, penggunaan “aku” oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua juga terdapat dalam P 5 seperti yang berikut, iaitu:

5. P5

- A : Aku ketawa kak, Kak Dahlia mau tumpang aku kak. Nah ngamalah jalan kaki kita ke sana ah kak sekarang (A dan B ketawa). Jadi aku bilang, cuba kau telefon si Noni. Aku fikir kakak sama dorang Kak Baisah, Kak Sanayah.
- B : Ndak jadi dorang pigi.

Dalam Data P5, A didapati menyapa B dengan kata panggilan “kak” yang dapat dikenal pasti penggunaannya dalam ayat “Aku ketawa kak, Kak Dahlia mau tumpang aku kak”, dan juga menggunakan kata panggilan “kakak” untuk menyapa B dalam ayat “Aku fikir kakak sama dorang Kak Baisah, Kak Sanayah”. Penggunaan kata panggilan terhadap orang yang lebih tua adalah untuk menunjukkan tanda hormat dan penyesuaian diri dengan budaya Melayu (Amat Juhari, 1985:1). Oleh hal yang demikian, menggunakan kata panggilan “kak” dan “kakak” oleh A selaku penyapa yang lebih muda daripada B selaku pesapa yang lebih tua daripadanya menunjukkan bahawa masyarakat Lahad Datu menggunakan penanda santun dalam perbualannya walaupun menggunakan “aku” untuk membahaskan diri sendiri, namun mereka masih menggunakan kata sapaan yang sesuai untuk menyapa pesapa yang lebih tua daripada mereka.

Penggunaan kata panggilan yang sesuai juga adalah untuk mewujudkan suasana santun di samping menunjukkan tanda harmoni dan penghormatan kepada pesapa dalam perbualan (Amat Juhari, 1985:1). Yang berikut juga merupakan penggunaan kata panggilan yang juga menunjukkan kesantunan dalam penggunaannya.

6. P7

- B : Kau ini.
- A : Aku mau baca hitam putihnya. Hitam putihnya masih sama *manager* tu lagi. *Marketingnya* tu. Nanti kaucekik aku, kucakap. Baca dulu. *Director* sudah *sign*, baru saya boleh buat. Baru, kalau *director* sudah *sign*, macam abang kan yakin, aku pinjam duit, ada bah ni, aku pigi bank, ada bah ni kan ... ada hitam putih. *Director sign* bah.

Berdasarkan data P7, A juga didapati menyapa B dengan kata panggilan “abang” seperti yang terdapat dalam P 1. A menggunakan kata

panggilan “abang” untuk menyapa B dalam ayat “Baru, kalau *director* sudah *sign*, macam abang kan yakin, aku pinjam duit, ada bah ni, aku pergi bank, ada bah ni kan ...”. Penggunaan kata panggilan “abang” oleh A selaku penyapa yang lebih muda kepada B selaku pesapa yang lebih tua daripada A menunjukkan bahawa penyapa yang lebih muda mementingkan kesantunan dalam pemilihan kata panggilan yang digunakan untuk menyapa pesapa yang lebih tua daripadanya.

Berdasarkan data P1, P5 dan P7, A menggunakan kata panggilan yang sesuai seperti “bang”, “abang”, “kak” dan “kakak” untuk menyapa B. Kata ganti nama diri kedua bentuk kasar “kau” “engkau” misalnya tidak digunakan bagi merujuk pesapa yang lebih tua daripada penyapa. Oleh hal yang demikian, B selaku penyapa yang lebih tua menerima kata panggilan bentuk halus seperti “bang”, “abang”, “kak” dan “kakak” (BH) daripada A walaupun A memberikan kata ganti nama diri pertama bentuk kasar “aku” (BK) kepada B sehingga mewujudkan pola tidak resiprokal BH-BK dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

Pola BH-BK yang wujud menunjukkan bahawa masyarakat Lahad Datu turut mengutamakan aspek kesantunan berkaitan pemilihan kata panggilan dalam sapaan perbualan seharian mereka. Kenyataan ini selari dengan pendapat Saidatul Nornis (2004:62) yang menyatakan bahawa kesantunan bahasa dapat dikaitkan dengan penggunaan kata panggilan mengikut tempat dan keadaan. Seseorang itu akan dianggap tidak santun jika menyapa orang tua dengan nama sahaja. Bahkan kesantunan berbahasa menjadi asas keharmonian masyarakat pengguna bahasa yang berkaitan. Hal ini dikatakan demikian kerana adakalanya bentuk panggilan mengambil alih bentuk kata ganti nama diri kedua kerana ingin menghormati atau memuliakan seseorang (Nik Safiah, 1981:99).

Selain penggunaan pola tidak resiprokal BH-BK, penggunaan “aku” juga dapat memperlihatkan aspek kesantunan melalui pemilihan strategi kesantunan. Walaupun “aku” dikenali dengan bentuk kasar jika digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua, namun terdapat strategi kesantunan yang digunakan oleh penyapa yang lebih muda sehingga mewujudkan kesantunan dalam perbualan mereka. Strategi penggunaannya adalah seperti yang berikut, iaitu:

- (1) Strategi bersopan santun
- (2) Strategi kecindan
- (3) Strategi bertimbang rasa

Strategi Bersopan Santun

Strategi bersopan santun merupakan satu strategi yang memperlihatkan aspek kesantunan melalui penggunaan sistem panggilan yang betul dan sesuai mengikut keadaan. Sistem panggilan itu bukan sahaja melibatkan pihak tertentu dalam majlis rasmi bahkan dalam kalangan keluarga dan rakan-rakan (Faridah *et al.*, 2014:93). Strategi bersopan santun dalam aspek kesantunan dikenal pasti melalui penggunaan kata panggilan yang sesuai. Penggunaan strategi ini adalah seperti yang telah dijelaskan penggunaannya dalam data P1, P5 dan P7, iaitu melalui penggunaan kata panggilan yang sesuai oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua.

Penggunaan kata panggilan berbentuk halus seperti “bang”, “abang”, “kak” dan “kakak” bukan sahaja mewujudkan pola tidak resiprokal BH-BK tetapi juga termasuk dalam strategi kesantunan yang digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua daripadanya. Oleh hal yang demikian, walaupun penyapa yang lebih muda menggunakan “aku” sebagai kata ganti nama diri pertama berbentuk kasar, namun penggunaan tersebut disertai dengan strategi bersopan santun dalam penggunaannya seperti yang terdapat dalam ayat berikut, iaitu:

Data P1

“Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, ‘aku’ rasa bah bang”.

Penggunaan “aku” dalam Data P1 menunjukkan bahawa ayat perbualan tersebut digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua dalam masyarakat Lahad Datu. Penggunaan “aku” dalam ayat “Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang” digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa lebih tua menggunakan strategi bersopan santun, iaitu penyapa yang lebih muda menggunakan “aku” untuk membahasakan dirinya sendiri kepada pesapa yang lebih tua disertai dengan strategi bersopan santun melalui penggunaan kata panggilan “bang” yang bersesuaian dengan usia pesapa yang lebih tua daripadanya. Penggunaan strategi ini menunjukkan bahawa walaupun “aku” digunakan oleh penyapa yang lebih muda daripada pesapa, namun melalui penggunaan kata panggilan yang sesuai, penggunaan “aku” dalam ayat tersebut merujuk kesantunan dalam penggunaannya.

Strategi bersopan santun ini membawa penggunaan “aku” dalam ayat “Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang” kepada penanda santun dalam masyarakat Lahad Datu. Ahli dalam sesebuah masyarakat seharusnya menyapa pesapa dengan panggilan yang memuliakan mereka dan juga tidak seharusnya menyapa seseorang dengan gelaran yang mereka tidak sukai kerana hal tersebut akan menyebabkan nilai kesantunan terhakis dan hubungan menjadi hambar (Faridah *et al.*, 2014:82).

Hal ini juga ada kaitannya dengan pemilihan kata panggilan yang digunakan untuk menyapa ahli keluarga kerana didapati bahawa dalam kalangan ahli keluarga juga, penggunaan “aku” turut digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua. Penggunaan tersebut adalah seperti yang terdapat dalam ayat yang berikut, iaitu:

Data P2

“Mak, nampak sudah ni rambutku”.

Berdasarkan penggunaan “aku” dalam Data 2, didapati bahawa anak selaku penyapa yang lebih muda dalam keluarga asas turut menggunakan “aku” kepada ibunya selaku pesapa yang lebih tua dalam kalangan ahli keluarga asas. Namun demikian, penggunaan “aku” mewujudkan suasana santun dalam penggunaannya kerana digunakan oleh anak menggunakan strategi bersopan santun, iaitu dengan menggunakan kata panggilan yang sesuai untuk menyapa ibunya. Hal ini kerana masyarakat Melayu tidak menyapa orang lain yang lebih tua daripada kita dengan panggilan nama (Faridah *et al.*, 2014:82). Anak selaku penyapa dalam P2 menggunakan kata panggilan “mak” untuk menyapa ibunya, iaitu melalui penggunaan “aku” yang disertai dengan strategi bersopan santun dalam penggunaannya.

Strategi Kecindan

Strategi kecindan merupakan ungkapan berbentuk jenaka yang digunakan untuk membangkitkan perasaan riang (Faridah *et al.*, 2014:103). Strategi kecindan ini didapati digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua dalam data yang berikut, iaitu:

Data P5

- A : Aku ketawa kak, Kak Dahlia mau tumpang aku kak. Nah ngamlah jalan kaki kita ke sana ah kak sekarang (A dan B ketawa). Jadi aku bilang, cuba kau telefon si Noni. Aku fikir kakak sama dorang Kak Baisah, Kak Saniyah.
- B : Ndak jadi dorang pigi.

Berdasarkan Data P5, A didapati menggunakan strategi kecindan, iaitu ungkapan berbentuk jenaka dalam ayat “Nah ngamlah jalan kaki kita ke sana ah kak sekarang”. Penggunaan strategi kecindan dalam ayat tersebut digunakan oleh A untuk memberitahu B bahawa dia mengatakan tentang Kak Dahlia, iaitu salah seorang daripada rakan A ingin menumpang keretanya untuk pergi bersama-sama dengannya, iaitu seperti dalam ayat yang diungkapkan oleh A, iaitu “Kak Dahlia mau tumpang aku kak”. Maksud “tumpang” dalam ayat tersebut ialah Kak Dahlia ingin menumpang kereta A, dan oleh sebab A tidak membawa kereta pada masa tersebut, A memberitahu B tentang perkara tersebut dengan menggunakan strategi kecindan. A memberitahu B dengan mengatakan bahawa dia memberitahu Kak Dahlia untuk berjalan kaki bersama-samanya ke tempat yang dimaksudkan kerana dia tidak membawa kereta pada masa tersebut. Penggunaan strategi kecindan dalam ayat “Nah ngamlah jalan kaki kita ke sana ah kak sekarang” bermaksud A menggunakan unsur humor dalam perbualan tersebut sehingga menyebabkan B ketawa bersama-sama A selepas mendengarnya.

Unsur humor yang digunakan oleh A kepada B berbentuk jenaka (Asmah, 2000:84) sehingga dapat mencuit hati B dan membuatnya ketawa. A menggunakan unsur humor kerana mengatakan bahawa dia mengajak Kak Dahlia berjalan kaki bersama-samanya ke tempat yang diketahui oleh B jauh letaknya yang agak mustahil untuk sampai ke sana dengan cara berjalan kaki sahaja tanpa menaiki sebarang pengangkutan.

Oleh hal yang demikian, penggunaan “aku” oleh A selaku penyapa yang lebih muda kepada B selaku pesapa yang lebih tua daripadanya dalam ayat “Aku ketawa kak, Kak Dahlia mau tumpang aku kak” tidak boleh dianggap sebagai bentuk kasar dan tidak santun dalam masyarakat Lahad Datu kerana terdapat strategi santun yang mengiringi penggunaan “aku” dalam perbualan tersebut iaitu melalui penggunaan strategi kecindan yang terdapat dalam ayat “Nah ngamlah jalan kaki kita ke sana ah kak sekarang”. Strategi kecindan ini seperti yang terdapat dalam *Kamus*

Besar Bahasa Indonesia (KBBI) adalah merujuk kata “kecandan” yang bermaksud “senda gurau” atau “kelakar”. Oleh itu, penggunaan “aku” walaupun digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua mampu menunjukkan kesantunan dalam penggunaannya dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

Strategi Bertimbang Rasa

Selain strategi bersopan santun dan strategi kecindan, strategi bertimbang rasa juga digunakan dalam kalangan masyarakat Lahad Datu. Strategi bertimbang rasa merupakan salah satu strategi kesantunan yang juga digunakan dalam masyarakat Melayu (Faridah *et al.*, 2009:93). Strategi kesantunan ini didapati digunakan oleh B dalam Data P7 seperti yang berikut, iaitu:

Data P7

- A : ... dia ambil imigresen, kesihatan, polis. *Repair* kereta itu, tender tahunan tu, kerja dekat jalan Tawau.
- B : Dia punya bisnis ni, kau boleh ambil. Beli dia punya baja.
- C : Oh, baja.
- B : Baja *ccm* kan? Tulah aku bilang, kaupunya bisnis ni kan kita boleh tolong. Kami boleh tolong kau bah ni. Begitu. Pergi *estate-estate* pun kita boleh jalan. Boleh. *Estate* mana sudah yang boleh ambil baja sama kamu?
- A : Banyak sudah ini. Tapi saya sekarang dikasi kuota. Kalau bahagian sini ndak boleh. Bahagian saya pula. Dia buat begitu.

Strategi bertimbang rasa dalam P 7 didapati digunakan oleh B dalam ayat “Tulah aku bilang, kau punya bisnis ni kan kita boleh tolong”. B menggunakan strategi bertimbang rasa kepada A dengan menyatakan pemahaman terhadap situasi yang dialami oleh A. B menyatakan rasa bertimbang rasa kepada A dengan mengatakan bahawa mereka boleh membantu A dalam perniagaan baja yang dijalankan olehnya. “Mereka” di situ merujuk penyertaan C sebagai orang ketiga dalam perbualan tersebut seperti yang terdapat dalam ayat “Tulah aku bilang, kau punya bisnis ni kan kita boleh tolong”.

Kata ganti nama diri “kita” dalam ayat tersebut merujuk diri B dan C, iaitu termasuk dalam kata ganti nama diri pertama jamak, tetapi berbeza fungsi dengan kata ganti nama diri pertama dalam bahasa Melayu baku

yang memberi maksud “kita” sebagai kata ganti nama diri pertama jamak inklusif, iaitu termasuk diri pesapa (Noriah, 1998:44). Namun, “kita” dalam ayat tersebut hanya merujuk diri B dan C, iaitu merujuk kata ganti nama diri jamak eksklusif, iaitu tidak melibatkan penyertaan pesapa dalam perbualan mereka. Hal ini bermaksud “kita” dalam masyarakat Lahad Datu juga digunakan sebagai kata jamak eksklusif, iaitu tidak melibatkan diri pesapa.

Berbalik kepada strategi bertimbang rasa yang digunakan oleh B kepada A dalam ayat “Tulah aku bilang, kaupunya bisnis ni kan kita boleh tolong” menunjukkan bahawa B memberi jaminan akan membantu A seperti yang terdapat dalam ayat “Kami boleh tolong kau bah ni. Begitu. Pergi estet-estet pun kita boleh jalan. Boleh”. Strategi bertimbang rasa yang digunakan oleh B kepada A mampu memberikan jaminan kepada A untuk menyelesaikan urusan itu dengan segera (Faridah *et al.*, 2014:93). Oleh itu, penggunaan “aku” oleh B kepada A adalah menepati strategi kesantunan bertimbang rasa dalam perbualan mereka seperti yang terdapat dalam ayat “Tulah aku bilang, kaupunya bisnis ni kan kita boleh tolong”.

Berdasarkan P7, penggunaan “aku” dalam strategi kesantunan bertimbang rasa didapati bukan digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua, tetapi oleh penyapa yang lebih tua terhadap pesapa yang lebih muda. Penggunaan “aku” dalam strategi tersebut menunjukkan bahawa aspek kesantunan tidak hanya wujud dalam sapaan perbualan yang melibatkan penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua tetapi juga sebaliknya, iaitu oleh penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda.

Penggunaan “aku” sebagai bentuk kasar dalam aspek kesantunan berbahasa masyarakat Melayu menunjukkan bahawa bentuk ini boleh bertukar menjadi bentuk halus dalam masyarakat Lahad Datu. Menurut Noriah (1998:51), bentuk kasar biasanya digunakan oleh orang yang tidak tahu tata tertib serta rendah status sosialnya. Namun, penggunaannya tidaklah seratus peratus benar dalam konteks perbualan seharian kerana terdapat juga orang yang dianggap termasuk dalam golongan orang baik-baik menggunakan kata ganti nama diri bentuk kasar dalam situasi tertentu dan kepada orang tertentu. Hal ini demikian kerana pemilihan kata ganti nama diri bergantung juga pada faktor sosial yang lain.

Oleh itu, penggunaan “aku” dalam pola resiprokal BK-BK boleh bertukar menjadi pola resiprokal BH-BH dalam aspek kesantunan masyarakat Lahad Datu. Walaupun sepatutnya pola tidak resiprokal BH-

BK seharusnya digunakan oleh penyapa yang lebih tua daripada pesapa (Brown & Gilman, 1960), namun penggunaan yang sebenarnya terjadi dalam masyarakat Lahad Datu ialah pola resiprokal BK-BK, iaitu penyapa yang lebih tua menerima bentuk kasar “aku” (BK) daripada pesapa yang lebih muda dan juga memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada pesapa yang lebih muda. Namun demikian, pola resiprokal BK-BK tersebut akhirnya bertukar menjadi pola BH-BH dalam konteks kesantunan masyarakat Lahad Datu kerana terdapat strategi kesantunan yang mengiringi penggunaan “aku”. Justeru, penggunaan “aku” juga termasuk sebagai bentuk yang santun dan halus dalam penggunaannya kerana bentuk halus dalam masyarakat Lahad Datu juga digunakan oleh orang yang baik-baik dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat.

Hal ini dikatakan demikian kerana, jika semakin banyak penanda santun yang digunakan dalam sesuatu perbualan, maka akan bertambahlah tingkat kesantunan penyapa terhadap pesapa (Asmah, 2002). Hal ini sesuai dengan ciri kesantunan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu yang dianggap pemalu, lemah lembut dan penuh keprihatinan terhadap orang lain. Walau bagaimanapun, kesantunan berbahasa dalam sesebuah masyarakat itu bersifat khusus. Yang dianggap santun dalam sesebuah bahasa atau masyarakat, mungkin dianggap sebaliknya dalam bahasa atau masyarakat yang lain. Bukan semua bahasa atau masyarakat memberikan penekanan yang sama kepada sesuatu aspek kelakuan itu untuk menentukan atau menetapkan aspek kesantunannya (Faridah *et al.*, 2014:109).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam makalah ini, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan “aku” dalam kalangan masyarakat Lahad Datu bukan sahaja digunakan dalam golongan yang akrab dan setaraf, tetapi juga digunakan oleh penyapa yang berbeza status dan usia, iaitu melibatkan penyapa yang lebih rendah statusnya kepada pesapa yang lebih tinggi statusnya dan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua. Oleh itu, pendapat yang menyatakan bahawa “aku” tidak seharusnya digunakan oleh penyapa yang kurang berstatus terhadap pesapa yang lebih berstatus dan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua tidak menepati penggunaannya dalam kalangan masyarakat penyapa Lahad Datu. Penggunaan “aku” dalam kalangan masyarakat Lahad Datu juga menunjukkan kesantunan kerana “aku” sebagai kata ganti nama diri pertama mereka digunakan dengan disertai strategi kesantunan.

Dapatan kajian ini juga didapati tidak menjawab hipotesis penggunaan “aku” dalam kalangan penyapa yang berbeza usia mengikut pola BH-BK kerana pola yang wujud ialah pola BK-BK, iaitu penyapa yang lebih tua menerima bentuk kasar “aku” (BK) daripada pesapa yang lebih muda dan juga memberikan bentuk kasar “aku” (BK) kepada pesapa yang lebih muda dan bukannya menerima bentuk halus (BH) daripada pesapa yang lebih muda seperti yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu pada kebiasaannya.

Penggunaan tersebut menunjukkan bahawa “aku” sebagai kata ganti nama diri pertama yang digunakan oleh penyapa dalam sistem sapaan masyarakat Melayu didapati berbeza penggunaannya mengikut amalan berbahasa dalam masyarakat Lahad Datu kerana didapati mereka menggunakan “aku” sebagai satu kelaziman dalam perbualan seharian berbanding dengan masyarakat Melayu pada kebiasaannya yang hanya menggunakan “aku” dalam hubungan setaraf atau akrab sahaja. Oleh itu, penggunaan “aku” dalam kalangan masyarakat Lahad Datu ini dapat dijadikan sebagai panduan untuk bersosialisasi dengan mereka. Jika selama ini “aku” hanya dikenali sebagai bentuk kasar atau intim dalam penggunaannya, melalui kajian yang telah dijalankan, pengguna bahasa yang lain dapat mengetahui kelainan bentuk penggunaan “aku” yang digunakan oleh masyarakat di Sabah, khususnya bagi masyarakat di Lahad Datu. Pengetahuan ini adalah perlu untuk mengelakkan sebarang salah faham semasa bertegur sapa dengan masyarakat Sabah yang menggunakan “aku” bukan sahaja terhadap pesapa yang berbeza status dan usia tetapi juga terhadap pesapa yang baru dikenali atau tidak dikenali. Penggunaan “aku” ini ada kaitannya dengan konteks kesantunan dan kekitaan masyarakat Lahad Datu dalam perbualan seharian mereka.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain, 2011. *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Amat Juhari Moain, 1985. “*Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*”. Tesis Ph.D. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2002. *Setia dan Santun*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Sariyan, 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, R dan Gilman, A. "The pronouns of power and solidarity" dlm. Sebeok, T. A., ed. *Style in language*. Cambridge, Mass.: M. I. T. Press, 1960.
- Cohen, L., & Manion, L., 1989. *Research methods in education*. 3rd edition. London: Routledge.
- Delamont, Sara, 1992. *Fieldwork in Educational Settings: Methods, Pitfalls, & Perspectives*. PA: The Falmer Press.
- Faridah Nazir, Ratna Laila Shahidin dan Faiziah Shamsudin, 2014. *Kesantunan Masyarakat Malaysia*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Hammersley, Martyn & Atkinson, Paul, 1995. *Ethnography: Principles in Practice*. London: Routledge.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 2001. Edisi Ketiga. Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B., 1988. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Nik Safiah Karim, 1981. *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Masittah Raja Ariffin, Sa'adiah Ma'alip, 2005. *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed, 1998. *Sociolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed dan Hasnida Chekha, "Jenis dan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri dalam Bahasa Urak Lawoi di Pulau Lipek, Thailand" dlm. *Jurnal Bahasa* 9:1, hlm. 75-99, Jun 2009.
- Noriati A. Rashid, 2005. *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saidatul Normis, "Interaksi Sosial dalam Isun-isun Bajau" dlm *Akademika* 74:4, hlm. 59-87, 2008.
- Saville-Troike, Muriel, 1991. *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan*. Terjemahan: Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Spradley, J.P., 1980. *Participant Observation*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Spradley, J.P., 1997. *Metode Etnografi*. Diterjemah oleh Misbah Zulfa Elizabeth. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Teo Kok Seong. "Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 14-23, Mac 2003.

Data Perbualan

Data P1

- A : kita bisnis kita jadi macam kaki ampu, tapi kalau kita jadi bos, orang ampu kita bah kan, jadi aku rasa mana yang bagus ya? Dia punya kehidupan...
- B : Tapi kalau kau mengampu, kalau kau diampu, apa yang.....
- A : Bukan mau diampulah, maksudnya, kita beri orang peluang bah...
- B : Kita macam... kalau *company* besar ok, kalau *company* kecil ndakda guna juga tu. Maksud aku, kalau kau di *company* besar bagus... mestilah, jadi *manager estate*kah...
- A : Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang. Macam baru *assistant* kan, *supplier* mau datanglah, mau jumpalah.
- B : Masalahnya *manager* bukan dia buat kerja, dia *approve* jak.

Data P2

- A : Mak, sudah makan?
- B : Kenapa?
- A : Aku menanya tiba-tiba ni... sebab.. panas aku ni.
- B : Pergi kau tengok cikgumu tu.
- A : Nanti dulu. Mak, nampak sudah ni rambutku.
- B : Ndak da.

Data P3

- A : Kalau kau kerja dengan kau belajar boleh bahagi masa ndak pa, tapi kadang-kadang ada orang ndak boleh dia bagi masa kerja dengan belajar, jadi kau kena pilihlah, kau mau kerjakah, mau belajar.
- B : Iya, tengok dululah kak. Cuba dulu macam mana. Insyaa- Allah boleh. Aku rasa boleh.
- A : Boleh bah Be', mesti boleh.
- B : Sebab bapaku kan kak sebenarnya mau aku belajar dulu bah.

Data P4

- A : Marwan.
B : Ya Allah, si Marwan, besar sudah kau Marwan.
A : Siapa ni?
B : Si Ila. Kak Ila.
A : Kak Ila?
B : Kau ndak ingat ka kak Ila?
A : Ndak aku kenal.
B : Bukan bah masih budak-budak lagi kamu.
A : Oh, iya kah? Alah...
C : Pergilah kau hantar sana bah.
B : Ayuhlah-ayuhlah.
A : Pergilah kamu, ada sana oh.

Data P5

- A : Aku ketawa kak, Kak Dahlia mau tumpang aku kak. Nah ngamlah jalan kaki kita ke sana ah kak sekarang (A dan B ketawa). Jadi aku bilang, cuba kau telefon si Noni. Aku fikir kakak sama dorang Kak Baisah, Kak Saniyah.
B : Ndak jadi dorang pergi.
A : Oh, na, yalah.
B : Itulah aku tu sengaja mesej dorang Nor, adakah sudah sana ni, apa ya? Aku bilang.
A : Dorang si Noni sudah bah sana tu.
B : Oh.
A : Dorang mengkali awal.
B : Aku ingat balik kan, ada bah ni nombor si Noni sama aku ni, bukan sejak *Facebook* ni. Kalau *Facebook* kadang-kadang tiada *lineku*, mati.

Data P6

- A : Lapar sudah nenek?
B : Ndak. Kalau aku lapar, tadi lagi aku makan. Sedangkan semalam lambat aku makan.
A : Jam berapa? Lama dia keluar?
B : Habis sembahyang Isyak. Dia datang pukul 11.
A : Lama juga.

Data P7

- A : dia ambil imigresen, kesihatan, polis. *Repair* kereta itu, tender tahunan tu, kerja dekat jalan Tawau.
B : Dia punya bisnis ni, kau boleh ambil. Beli dia punya baja.

- C : Oh, baja.
- B : Baja *ccm* kan? Tulah aku bilang, kau punya bisnis ni kan kita boleh tolong. Kami boleh tolong kau bah ni. Begitu. Pergi *estate-estate* pun kita boleh jalan. Boleh. *Estate* mana sudah yang boleh ambil baja sama kamu?
- A : Banyak sudah ini. Tapi saya sekarang dikasi kuota. Kalau bahagian sini ndak boleh. Bahagian saya pula. Dia buat begitu.
- B : Itulah peluang kau. Bisnislah. Ikut betul punya jalan.
- A : Sekarang disuruh sudah aku ambil. Tapi aku ndak mau.
- B : Kau ini.
- A : Aku mau baca hitam putihnya. Hitam putihnya masih sama *manager* tu lagi. *Marketingnya* tu. Nanti kau cekik aku, kucapak. Baca dulu. *Director* sudah sign, baru saya boleh buat. Baru, kalau *director* sudah *sign*, macam abang kan yakin, aku pinjam duit, ada bah ni, aku pergi bank, ada bah ni kan... ada hitam putih. *Director sign* bah.
- B : Ya
- A : Tapi sekarang disuruh aku jalan, ndakku mau.
- C : Oh.
- A : Aku cakap kau carilah orang, kalau kau ndak setuju cara saya. Cara saya hitam putih. Lengkap hitam putih semua, aku pergi bank pun, tunjuk senang. Ya lah dia cakap.